

29 NOV 1996

SYED HAMID ANGGAP PELANTIKANNYA SESUATU YANG BERHARGA

KOTA TINGGI, 29 Nov (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata pelantikannya sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno sebagai sesuatu yang amat berharga dan beliau akan memberi perkhidmatan terbaik untuk Umno.

"Saya berterima kasih kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memilihnya kerana beliau tahu betapa rumit untuk Dr. Mahathir membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Khatam Quran di Felda Papan Timur dekat sini hari ini.

Syed Hamid berkata terdapat ramai anggota yang layak untuk jawatan itu tetapi beliau bersyukur kerana dipilih untuk meneruskan perjuangan dalam Umno.

Mengenai pelantikan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno, Syed Hamid berkata pelantikan itu sesuai dan menjadi amalan yang membolehkannya memimpin negeri dan juga parti.

Beliau juga berkata pelantikan Datuk Sabaruddin Chik sebagai Setiausaha Agung Umno menggantikan Datuk Mohamed Rahmat harus dilihat sebagai pelantikan yang tepat bagi menghadapi cabaran terutama daripada segi pengurusan dan pentadbiran parti secara keseluruhan.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Abdul Ghani sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin. -- BERNAMA

MH FAZ